

MMC-Gamuda dahului senarai projek MRT

MMC-Gamuda Joint Venture Sdn Bhd berada di tempat teratas dalam senarai prakelayakan bagi pemilihan kerja peringkat teknikal menebuk terowong bagi laluan Transit Pantas Massa (MRT) Sungai Buloh-Kajang yang bernilai RM8 bilion.

HwangDBS Vickers Research berkata, MMC-Gamuda mempunyai pengalaman yang luas dalam melaksanakan kerja berkeajaan di samping menyediakan struktur kos yang berdayasaing.

“Pemenang bagi kontrak itu akan dikeluarkan pada bulan depan. Penilaian komersial sedang dilaksanakan,” kata syarikat penyelidikan itu dalam satu kenyataan.

HwangDBS berkata, MMC-Gamuda juga adalah calon utama bagi pelaksanaan projek yang akan dijalankan pada masa depan, seperti dua lagi pakej laluan MRT yang lain dan kerja menebuk terowong dasar laut Pulau Pinang-Butterworth.

Menjelang Jun, tempahan kerja Gamuda akan meningkat lima kali kepada RM10 bilion, dengan pendapatan kerja laluan MRT Sungai Buloh-Kajang dan landasan berkembar rel Gemas-Johor Baru, katanya.